

# 1,000 syarikat kemungkinan 'gulung tikar'

Oleh ZIAUDDIN  
SHARUDDIN

BH 27 FEB 2000

**SEREMBAN:** Kira-kira 1,000 syarikat Bumiputera yang membekalkan makanan ke lebih 900 sekolah berasrama penuh dan harian di negara ini menghadapi kemungkinan terpaksa 'gulung tikar' apabila perkhidmatan itu diswastakan mulai tahun depan.

Dua syarikat dan dua konsortium dijangka mengambil alih perkhidmatan itu, iaitu Mas Katering di kawasan selatan dan timur Semenanjung Malaysia, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor serta Pahang dan Terengganu.

Besta Distributor pula akan beroperasi di Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Konsortium Pembekal Makanan Bumiputera Zon Utara di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, manakala Konsortium Kelantan di negeri itu.

Jurucakap syarikat terbabit bagi kawasan selatan Semenanjung Malaysia, Jalaluddin Alias, berkata majoriti syarikat membantah pelaksanaan program penswastan itu.

Katanya, di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor saja, kira-kira 260 syarikat mungkin terpaksa 'gulung tikar'.

"Walaupun belum ada keputusan rasmi berhubung penswastan itu, tetapi kami percaya langkah itu se-

dang dijalankan," katanya dalam sidang akhbar di Allson Klana Resort di sini, semalam.

Jalaluddin berkata, ini kerana ada syarat dalam kontrak sekarang yang menyebut perkhidmatan itu boleh ditamatkan dengan notis tiga bulan dan diambil alih syarikat baru.

Beliau juga mendakwa, kakitangan Mas Katering datang ke sekolah berasrama di Negeri Sembilan untuk berjumpa dengan pekerja kantin, dipercayai mempunyai kaitan dengan program penswastan.

Menurutnya, penswastan bukan saja menjejaskan syarikat Bumiputera yang kebanyakan hanya bergiat dalam bidang itu, tetapi menjejaskan pekerja syarikat.

"Di Negeri Sembilan saja, kira-kira 2,000 pekerja akan kehilangan pekerjaan jika program penswastan diteruskan," katanya.

Beliau berkata, sepatutnya syarikat sedia ada diberi peluang untuk membentuk konsortium dan bukannya melantik syarikat baru yang setengah tidak pernah menceburi perniagaan ini.

Katanya, daripada empat syarikat dan konsortium yang bakal mendapat kontrak, hanya Konsortium Pembekal Makanan Bumiputera Zon Utara yang turut dianggotai

syarikat sedia ada, tetapi tidak banyak.

"Kami pernah diberitahu secara tidak rasmi oleh Kementerian Pendidikan supaya bergabung membentuk konsortium bagi menghadapi penswastan ini, tetapi selepas berbuat demikian, syarikat lain yang dapat," katanya.

Selain itu, katanya syarikat sedia ada beroperasi sejak bertahun lalu tanpa menimbulkan banyak masalah dan melalui konsep tender terbuka dengan harga antara RM2.80 hingga RM5, berbanding RM9.96 melalui program penswastan.

Sehubungan itu, beliau meminta Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri mengkaji semula program penswastan itu kerana syarikat yang menjadi mangsa adalah milik Bumiputera 100 peratus.

Katanya, program penswastan itu akan menggagalkan usaha melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dan sebaliknya dimonopoli oleh hanya beberapa syarikat.

Menurutnya, mereka bercadang menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Aziz, berhubung isu itu.